

UMS-KPT

Taekwondo

Fiesta hari

ini dan

esok

UB 11.12.15 A15

**Oleh VITALIS
G. BINGKASAN**

KOTA KINABALU: Lebih 100 peserta mengambil bahagian pada Kejohanan UMS-KPT Taekwondo Fiesta 2015 yang akan berlangsung di Dewan Taekwondo Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama dua hari bermula hari ini.

Kejohanan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama UMS itu mempertandingkan acara poomsae dan kyorugi.

Acara poomsae disertai 52 peserta dari lapan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kelab dan sekolah manakala acara kyorugi disertai 65 peserta dari lapan IPT.

MBV Taekwondo Club(WTF)menghantar atlet teramai dengan 20 peserta dalam acara poomse diikuti Courage Martial Art TKD Club (CMA) 14 peserta, UMS(lapan), Universiti Sains Malaysia (USM - empat), Politeknik KK (dua), Universiti Malaysia Pahang (UMP- dua) dan masing-masing satu peserta dari Unisza dan Tarc.

UMS pula mendahulu senarai peserta teramai dalam acara kyorugi dengan 14 peserta manakala Majlis Sukan Politeknik dan Unisza masing-masing diwakili 10 peserta.

Turut mengambil bahagian adalah UMP dengan sembilan peserta, Politeknik Sandakan (lima), UTM (lima), Politeknik KK (empat), USM (empat) dan masing-masing dua dari UiTM Sarawak dan Tarc.

Acara kyorugi pulah dibahagikan kepada kategori bawah 17, 14 dan 12 tahun, terbuka individu lelaki dan wanita, berpasukan lelaki dan wanita serta berpasukan campuran.

Acara kyorugi pulah dibahagikan kepada kategori finweight, flyweight, bantam weight, feather weight, middle weight, welter weight, light heavy dan heavy weight.

Kejohanan dijangka akan dirasmikan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah pagi ini.